

SOALAN NO: 267

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB DATIN MASTURA BINTI TAN SRI DATO'
MOHD YAZID
KAWASAN : KUALA KANGSAR**

SOALAN:

YB DATIN MASTURA BINTI TAN SRI DATO' MOHD YAZID minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kenapa jalan Lebuh Raya PLUS dari Ipoh ke Kuala Kangsar sentiasa diperbaiki sehingga menjejaskan kelicinan perjalanan pengguna Lebuh Raya Utara Selatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja penyenggaraan rutin yang dilaksanakan oleh PLUS adalah untuk memastikan lebuhraya sentiasa berada dalam keadaan selamat dan selesa untuk pengguna lebuhraya. Kesemua kos yang terlibat di dalam kerja-kerja penyenggaraan tersebut ditanggung sepenuhnya oleh pihak PLUS.

Kerja-kerja meningkatkan kualiti turapan perlu dilaksanakan dari masa ke semasa oleh pihak PLUS. Ini adalah yang bertujuan bagi meningkatkan jangka hayat turapan tersebut yang kebiasannya akan cepat mengalami kerosakan akibat dari peningkatan jumlah kenderaan terutamanya kenderaan berat.

Sekian, terima kasih.